

Anugerah
Seri Gemilang
KUKUM 2005

**"Menghayati Kecemerlangan,
Membudayakan Kualiti"**

3 Mac 2006
Dewan Warisan, Kangar

*“Menghayati Kecemerlangan,
Membudayakan Kualiti”*



Daulat Tuanku



DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL

D.K., S.P.M.P.

PEMANGKU RAJA PERLIS
CANSELOR KUKUM



DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH
S.P.M.P.

RAJA PUAN MUDA PERLIS

Anugerah Seri Gemilang 2005

Kata-Kata Aluan Rektor

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Bersyukur ke hadrat Allah Subbahana Hu Wa Taala di atas limpahan serta kurniaan rezeki penuh peri buat kita hambaNya, langsung kita sekali lagi berkumpul di tahun ini dalam **Anugerah Seri Gemilang KUKUM 2005**.

Terlebih dahulu, saya bagi pihak seluruh warga KUKUM ingin merafak sembah, menjunjung kasih di atas keberangkatan DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Canselor KUKUM dan DYTU Tuanku Lailatul Shahreen Akashah, Raja Puan Muda Perlis ke majlis ini. Ucapan terima kasih juga dititipkan buat dif-dif kehormat dan tetamu-tetamu jemputan khas yang telah sudi hadir, khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim, Menteri Besar Perlis dan Y.A.Bhg. Datin Seri. Y.B. Dato' Mustapa bin Mohamed, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia dan Y. Bhg. Datin.

Anugerah Seri Gemilang KUKUM 2005 merupakan acara tahunan yang diadakan setiap tahun bagi meraih serta memberi pengiktirafan buat warga kerja yang telah menunjukkan prestasi yang cukup cemerlang di dalam perkhidmatan dan jawatan yang disandang.

Antara anugerah-anugerah bagi menghargai hasil kerja serta sumbangan warga kerja terhadap KUKUM adalah Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Kecemerlangan Sukan, Anugerah Khas Penghargaan dan Anugerah Perkhidmatan Lama.

Penganugerahan ini diharap dapat menyuntik motivasi dan kendiri buat si penerima untuk terus memberikan sumbangan yang cemerlang kepada pembangunan universiti ini. Mereka-mereka yang tidak terpilih, harus menjadikan kejayaan teman-teman yang berjaya sebagai pembakar semangat untuk terus berusaha dengan gigih dan menjadikan jejak kejayaan mereka sebagai rujukan terbaik untuk proses muhasabah diri.

Akhir kata, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima anugerah dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan **Anugerah Seri Gemilang KUKUM 2005** ini.

Sekian, Wassalam

Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin
Rektor



Anugerah Seri Gemilang 2005

KETERANGAN ANUGERAH

A. ANUGERAH PERDANA SERI GEMILANG KUKUM

Anugerah tertinggi ini dianugerahkan kepada individu luar KUKUM yang telah banyak menyumbang idea dan tenaga seiring dengan misi dan visi KUKUM dalam memartabatkan imej universiti ini di persada pendidikan negara. Penerima anugerah ini merupakan individu yang teristimewa dan amat sinonim dengan pembangunan KUKUM. Penerima anugerah juga merupakan individu yang aktif dalam bidang sosial dan kemasyarakatan.

B. ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Terbuka kepada staf sama ada secara tetap, sementara atau kontrak dan telah berkhidmat bagi tempoh genap setahun penuh pada hari terakhir tahun penilaian. Pemilihan berdasarkan Sistem Saran Malaysia (SSM) dan keputusan pemilihan di bawah tanggungjawab Panel Pembangunan Sumber Manusia KUKUM berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002.

C. ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN CEMERLANG

I. ANUGERAH TOKOH

Terbuka kepada semua staf Pengurusan dan Profesional KUKUM. Calon memaparkan kualiti hasil kerja yang cemerlang di dalam pentadbiran, berupaya mewujudkan amalan kerja yang baik dan berkesan serta mempunyai interaksi yang baik dengan staf, pelajar, serta masyarakat luar. Calon juga telah memberikan sumbangan yang cemerlang dalam meningkatkan imej KUKUM di peringkat nasional dan antarabangsa. Sekiranya staf akademik calon dapat memaparkan kualiti dan kuantiti hasil kerja yang cemerlang di dalam pengajaran dan penyelidikan. Calon juga mempunyai penampilan yang cemerlang dan menjadi idola kepada staf.

II. ANUGERAH PENDIDIK CEMERLANG

Terbuka kepada staf akademik KUKUM. Calon memaparkan kuantiti dan kualiti hasil kerja yang cemerlang sama ada di peringkat pusat, jabatan dan universiti, berupaya mewujudkan amalan kerja yang baik, berkesan serta melaksanakan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam mencapai kesempurnaan hasil kerja. Calon memaparkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan dibuktikan dengan pencapaian pelajar di dalam peperiksaan serta calon mudah didampingi oleh pelajar.

III. ANUGERAH PENTADBIR CEMERLANG

Terbuka kepada staf Pengurusan dan Profesional (Pentadbiran) KUKUM. Calon memaparkan kuantiti dan kualiti hasil kerja yang cemerlang sama ada di peringkat pusat, jabatan dan universiti. Calon berupaya mewujudkan amalan kerja yang baik, berkesan serta melaksanakan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam mencapai kesempurnaan hasil kerja. Calon juga menguasai arahan bekerja di dalam pasukan sama ada di peringkat pusat, jabatan atau universiti.

Anugerah Peri Gemilang 2005

IV. ANUGERAH STAF SOKONGAN CEMERLANG

Terbuka kepada semua staf sokongan KUKUM. Calon memaparkan kuantiti dan kualiti hasil kerja yang cemerlang sama ada di peringkat pusat, jabatan dan universiti. Calon berupaya mewujudkan amalan kerja yang baik, berkesan serta melaksanakan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam mencapai kesempurnaan hasil kerja. Calon juga dapat melaksanakan arahan tugas dengan berkesan dan melaksanakan amalan kerja berpasukan.

V. ANUGERAH VERSATILE

Terbuka kepada semua staf KUKUM. Calon aktif dan cemerlang dalam pelbagai bidang contohnya sukan, kebajikan, keagamaan dan lain-lain. Calon berkebolehan merancang, mengelola dan mengendalikan sesuatu tugas yang dipertanggungjawabkan.

VI. ANUGERAH RAKAN PENDAMPING SISWA

Terbuka kepada semua staf akademik KUKUM. Calon bersikap mesra pelajar, melibatkan diri secara optimum dengan aktiviti pelajar dan berjaya membimbing pelajar kearah kecemerlangan akademik dan sahsiah.

VII. ANUGERAH PUSAT PENGAJIAN CEMERLANG

PTJ berjaya melaksana dan memenuhi Pelan Tindakan yang telah ditetapkan. Staf di PTJ dapat bekerja sebagai satu pasukan dan memberikan komitmen ke atas aktiviti PTJ, Universiti dan pihak luar.

VIII. ANUGERAH JABATAN/UNIT CEMERLANG

PTJ berjaya melaksana dan memenuhi Pelan Tindakan yang telah ditetapkan. Staf di PTJ dapat bekerja sebagai satu pasukan dan memberikan komitmen ke atas aktiviti PTJ, Universiti dan pihak luar.

D. ANUGERAH PENYELIDIKAN CEMERLANG

Dianugerahkan kepada pasukan penyelidik sebagai mengiktiraf sumbangan di dalam bidang penyelidikan dan pencapaian bagi penyertaan di dalam pameran penyelidikan atau pertandingan peringkat negara dan antarabangsa.

Anugerah Seri Gemilang 2005

E. ANUGERAH KECEMERLANGAN SUKAN

I. ANUGERAH TOKOH SUKAN

Terbuka kepada semua staf KUKUM. Calon memberikan komitmen secara professional dalam hal ehwal pengurusan sukan peringkat universiti, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Calon berjaya mengharumkan nama universiti dalam bidang sukan, menyumbang kearah pembangunan sukan peringkat universiti, negeri, kebangsaan dan antarabangsa serta berkebolehan untuk memimpin, merancang, mengelola dan mengendalikan aktiviti sukan dengan sistematis dan efisien.

II. ANUGERAH PASUKAN TERBAIK

Mengharumkan nama universiti dengan mencapai tahap pencapaian dan pengiktirafan yang membanggakan di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa.

III. ANUGERAH INDIVIDU TERBAIK (LELAKI)

Mengharumkan nama universiti dengan mencapai tahap pencapaian dan pengiktirafan yang membanggakan di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa.

IV. ANUGERAH INDIVIDU TERBAIK (WANITA)

Mengharumkan nama universiti dengan mencapai tahap pencapaian dan pengiktirafan yang membanggakan di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa.

F. ANUGERAH PENGHARGAAN KHAS

I. ANUGERAH KHAS KUKUM

Diberikan kepada agensi/individu luar yang telah bersama-sama menyumbang tenaga dan berjasa kepada universiti.

II. ANUGERAH PERKHIDMATAN LAMA

Diberikan kepada staf yang telah berpencen di KUKUM sebagai mengenang jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang berkhidmat di universiti ini.

III. ANUGERAH INOVASI

Diberikan kepada jabatan/pusat pengajian atas kreativiti, komitmen dan inovasi dalam menghasilkan produk/input berkualiti dan berjaya menaikkan imej universiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Anugerah Seri Gemilang 2005

Atur Cara Majlis

- | | | |
|-------------|---|--|
| 8.00 malam | : | Ketibaan Jemputan |
| 8.10 malam | : | Ketibaan Y.Bhg. Rektor KUKUM & Isteri |
| 8.15 malam | : | Ketibaan Dif-Dif Jemputan |
| 8.20 malam | : | Ketibaan Y.B. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia & Isteri |
| 8.25 malam | : | Ketibaan YAB Menteri Besar Perlis & Isteri |
| 8.30 malam | : | Keberangkatan Tiba DYMM Canselor KUKUM & DYTM Raja Puan Muda Perlis |
| | : | Jamuan Makan Malam |
| 9.15 malam | : | Keberangkatan Masuk DYMM Canselor KUKUM & DYTM Raja Puan Muda Perlis |
| | : | Lagu Negaraku, Negeri Perlis & WAWASANKU |
| | : | Bacaan Rukun Negara |
| | : | Bacaan Doa |
| | : | Ucapan Aluan Y.Bhg. Rektor KUKUM |
| | : | Titah Ucapan DYMM Canselor KUKUM |
| | : | Penyampaian Anugerah dan Persembahan Kebudayaan |
| | : | Persembahan Cenderahati |
| 11.30 malam | : | Keberangkatan Balik DYMM Canselor KUKUM & DYTM Raja Puan Muda Perlis |
| | : | YAB Menteri Besar Perlis & Isteri Meninggalkan Majlis |
| | : | YB Menteri Pengajian Tinggi Malaysia dan Isteri Meninggalkan Majlis |
| | : | Majlis Bersurai |

Anugerah Seri Gemilang 2005

ANUGERAH PERDANA SERI GEMILANG KUKUM



**DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH
S.P.M.P.**
RAJA PUAN MUDA PERLIS

*"Menghayati Kecemerlangan
Membudayakan Kualiti"*

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



Khairul Nizar Ismail
Pensyarah (Dekan)
Pusat Pengajian
Kejuruteraan Alam Sekitar
0100121



Prof. Madya Dr. Uda Hashim
Profesor Madya (Dekan)
Unit Penyelidikan dan Pembangunan
0100115



Prof. Madya Mazelan Abdul Hamid
Profesor Madya (Pengarah)
Jabatan Pembangunan
0100126



Prof. Madya Abdull Halim Abdul
Profesor Madya
(Penyelaras Unit Matematik)
Pusat Kemahiran
Komunikasi dan Keusahawanan
0100125



Zuber Hj. Mohamad
Ketua Penolong Pendaftar
(Pengetua Kolej Kediaman)
Jabatan Canselor - Pejabat Rektor
0200291



Ir. Abdul Ghapar Ahmad
Jurutera J48
(Timbalan Pengarah)
Jabatan Pembangunan
0200093



Tn. Hj. Huzili Hussien
Pensyarah (Timbalan Dekan)
Pusat Kemahiran
Komunikasi dan Keusahawanan
0100144



Phak Len A/L Eh Kan
Pensyarah (Timbalan Dekan)
Pusat Pengajian Kejuruteraan
Komputer dan Perhubungan
0100098



Sanna Taking
Pensyarah (Timbalan Dekan)
Pusat Pengajian
Kejuruteraan Mikroelektronik
0100224

Anugerah Peri Gemilang 2005



Zulkifli Abdul Rashid
Pensyarah (Timbalan Dekan)
Pusat Pengajian
Kejuruteraan Pembuatan
0100206



Suhardy Daud
Pensyarah (Timbalan Dekan)
Pusat Pengajian
Kejuruteraan Bahar
0100157



Haziah Abdul Hamid
Pensyarah
Pusat Pengajian
Kejuruteraan Sistem Elektrik
0100035



Shah Fenner Khan Mohamad Khan
Pensyarah
Pusat Pengajian
Kejuruteraan Mekatronik
0100217



Jefri Efendi Mohd. Salih
Pegawai Latihan Vokasional
Pusat Pengajian
Kejuruteraan Mekatronik
0100176



Mohamad Hatta Musa
Pegawai Latihan Vokasional
Pusat Pengajian
Kejuruteraan Pembuatan
0100345



Mohamad Shabudin Mohd. Noor
Pegawai Tadbir
Jabatan Pendaftar
0200013



Razli Ahmad
Pegawai Tadbir
Jabatan Canselor - Unit Latihan
0200152



Aiza Jasmi
Pegawai Tadbir
Pusat Pengajian Kejuruteraan
Komputer dan Perhubungan
0200219